



**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN JENAZAH (BUKAN JENAZAH COVID-19)
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)
COVID-19 DI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

Garis Panduan ini disediakan selaras dengan arahan Kerajaan di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19 ini, semua urusan yang berkaitan dengan **Pengurusan Jenazah (Bukan Jenazah Covid-19) di Negeri Pahang** adalah tertakluk sebagaimana ketetapan berikut :-

1. Tatacara Pengurusan Jenazah (Bukan Jenazah COVID-19)

1.1 Pengurusan jenazah **dilaksanakan di rumah** tertakluk kepada perkara berikut :

- a) Semua yang hadir hendaklah mematuhi peraturan berikut :
 - i. Mengisytiharkan diri mereka sihat, bukan dari kalangan PUI dan PUS COVID-19 dan tiada simptom COVID-19
 - ii. Memakai pelitup hidung dan mulut
 - iii. Tiada aktiviti bersentuhan dan bersalaman antara yang hadir.
 - iv. Tidak melebihi 20 orang dalam satu masa atau berdasarkan keluasan rumah dan tidak berada dalam tempoh yang lama (maksima 10 minit).
 - v. Bagi kanak-kanak berumur kurang 15 tahun dan warga emas berumur lebih 70 tahun yang mempunyai sakit kronik tidak terkawal adalah tidak dibenarkan.

- b) Hanya **5 orang** sahaja dibenarkan untuk berada di dalam bilik pengurusan jenazah ketika proses memandi dan mengafan jenazah. Semua pengurus jenazah hendaklah direkodkan dan disimpan oleh keluarga si mati sebagai rujukan.

- c) Solat jenazah adalah digalakkan dilaksanakan di rumah dengan mengambilkira penjarakan antara saf dengan jarak satu (1) meter dan dilaksanakan dalam masa yang paling minimum.
- d) Jika sekiranya ada pihak waris berhajat untuk solat jenazah di masjid, hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak pentadbir masjid dan memastikan garis panduan berada di masjid dipatuhi.
- e) Wakil keluarga atau pemimpin masyarakat setempat adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas pematuhan garis panduan ditetapkan bagi pengurusan jenazah di rumah.

1.2 Sekiranya pengurusan jenazah perlu dibuat **di masjid** hendaklah tertakluk kepada perkara berikut :

- a) Pengurusan jenazah dibuat di bilik atau tempat yang dikhaskan.
- b) Semua yang hadir hendaklah mematuhi peraturan seperti berikut :
 - i. Mengisytiharkan diri mereka sihat, bukan dari kalangan PUI dan PUS COVID-19 dan tiada simptom COVID-19
 - ii. Memakai pelitup hidung dan mulut
 - iii. Tiada aktiviti bersentuhan dan bersalaman antara yang hadir.
 - iv. Tidak berada dalam tempoh yang lama (maksima 10 minit).
 - v. Bagi kanak-kanak berumur kurang 15 tahun dan warga emas berumur lebih 70 tahun yang mempunyai sakit kronik tidak terkawal adalah tidak dibenarkan.
 - vi. Merekodkan kehadiran di dalam daftar rekod yang ditetapkan oleh pihak pentadbir masjid.
- c) Hanya **5 orang** sahaja dibenarkan untuk berada di dalam bilik pengurusan jenazah ketika proses memandi dan mengafan jenazah. Semua pengurus jenazah hendaklah direkodkan dan disimpan oleh pihak masjid sebagai rujukan.
- d) Solat jenazah boleh dilaksanakan di ruang solat masjid dengan mengambilkira penjarakan antara saf dengan jarak satu (1) meter dan diselesaikan di dalam tempoh yang minimum.

- e) Wakil keluarga dan Pentadbir Masjid adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas pematuhan garis panduan ditetapkan bagi pengurusan jenazah di masjid.
- f) Mematuhi Garis Panduan Khas yang ditetapkan oleh pentadbir masjid jika ada.

1.3 Tidak dibenar mengadakan majlis tahlil di rumah kecuali kepada ahli keluarga terdekat sahaja iaitu ibubapa si mati, isteri/suami si mati, anak si mati, adik beradik si mati, bapa/ibu saudara si mati, anak saudara si mati, sepupu si mati, ipar si mati.

2. Tatacara Pengebumian Jenazah (Bukan Jenazah COVID-19)

2.1 Semua yang hadir di tanah perkuburan hendaklah mematuhi perkara berikut :

- i. Mengisytiharkan diri mereka sihat, bukan dari kalangan PUI dan PUS COVID-19 dan tiada simptom COVID-19.
- ii. Memakai pelitup hidung dan mulut
- iii. Tiada aktiviti bersentuhan dan bersalaman antara yang hadir.
- iv. Sentiasa berada dalam penjarakan sosial.
- v. Bagi kanak-kanak berumur kurang 15 tahun dan warga emas berumur lebih 70 tahun yang mempunyai sakit kronik tidak terkawal adalah tidak dibenarkan.

2.2 Jenazah dibawa ke perkuburan dengan menggunakan kenderaan jenazah sahaja tanpa melibatkan perarakan beramai-ramai.

2.3 Semua yang terlibat ketika proses pengebumian hendaklah direkodkan dan disimpan oleh waris si mati.

2.4 Bacaan talqin dan tahlil yang ringkas sahaja selepas pengebumian.

2.4 Urusan pengebumian diselesaikan dalam tempoh yang paling minimum.

Risiko penularan virus boleh dikurangkan dengan signifikan sekiranya garis panduan ini dipatuhi. Ketegasan pihak pentadbir masjid, pemimpin setempat dan waris menjadi faktor utama dalam keberkesanan garis panduan yang ditetapkan. Diharapkan waris dan masyarakat yang hadir mengambil tanggungjawab bersama dalam mematuhi garis panduan ditetapkan.

Pengarah
Jabatan Agama Islam Pahang
Jun 2020